



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

#### KONVOI MPPWP SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020

**KUALA LUMPUR, 1 Februari 2020** - Seramai 1000 penunggang motorsikal pelbagai kuasa (cc) membanjiri Dataran Merdeka pada hari ini sambil mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020. Konvoi bermotor anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MPPWP) ini mewakili 200 belia dari setiap 11 parlimen di Kuala Lumpur dalam menyemarakkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini.

Inisiatif MPPWP Kuala Lumpur menganjurkan Konvoi Bermotor ini adalah bagi memupuk semangat patriotism dan cintakan Wilayah Persekutuan dalam kalangan belia di kota Wilayah Persekutuan yang akan memacu hala tuju Wilayah Persekutuan di masa yang akan datang. Adalah penting untuk golongan belia di Wilayah Persekutuan ini didedahkan dengan erti sebenar sambutan Hari Wilayah Persekutuan agar mereka menghayati dan menghargai kemajuan dan kemakmuran yang dinikmati oleh mereka pada hari ini.

Pada masa yang sama program seperti ini juga dapat memastikan golongan belia di Wilayah Persekutuan tidak tersasar dan terjerumus dalam aktiviti sosial yang kurang sihat. Di samping itu aktiviti ini turut memberikan peluang kepada belia-belia di Wilayah Persekutuan antara parlimen untuk mengeratkan hubungan silaturahim diantara satu sama lain. Melalui cara ini dapat memperkukuhkan ikatan persaudaraan dalam kalangan mereka dan membolehkan para belia mempunyai *connection* dan *networking*.

Program ini turut memberikan peluang kepada warga belia di Wilayah Persekutuan untuk mendekati diri mereka dengan pemimpin Wilayah Persekutuan. Secara tidak langsung aktiviti ini memupuk semangat *self-belonging* dalam kalangan belia di Wilayah Persekutuan sejajar dengan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini iaitu "Sayangi Wilayahku".

Disediakan Oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
1 Februari 2020